

Promosi Pinjaman/Pembayaan-i: Priority Sector Housing Loan/Financing-i Easy Entry

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Priority Sector Housing Loan/Financing-i Easy Entry” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada **2 April 2018** dan berakhir pada **14 Disember 2018** termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”) kecuali dinyatakan sebaliknya dengan cara menyiarkannya dalam laman web HLB dan HLISB di www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my masing-masing (“laman web Bank”).

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat yang digariskan berikut terpakai untuk Promosi (“T&C”):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada pemegang akaun pembayaan individu Malaysia yang baru dan sedia ada HLB/HLISB (“Pelanggan Pinjaman/Pembayaan-i”) yang memohon untuk kemudahan baru di bawah mana-mana produk pinjaman/pembayaan-i terpilih berikut seperti yang disenaraikan dalam klaus 2 di bawah (“Kemudahan Terlibat”) dan memenuhi semua syarat berikut:
 - permohonan yang dibuat untuk jumlah kemudahan minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) hanya semasa Tempoh Promosi dan penerimaan Kemudahan Terlibat tersebut dengan menandatangani Surat Tawaran pada atau sebelum 31 Disember 2018 (“Tarikh Penerimaan”);
 - harga pembelian harta tanah maksimum RM250,000 bagi harta tanah di dalam Semenanjung Malaysia atau RM300,000 untuk harta tanah di Sabah, Sarawak dan Labuan;
 - harta tanah yang dibeli adalah untuk diduduki sendiri;
 - harta tanah adalah rumah pertama yang dimiliki atau jika harta tanah itu adalah rumah kedua dibeli oleh Pelanggan Mortgage/Property Financing-i, rumah pertama perlu dilupuskan; dan
 - pasangan suami isteri adalah layak untuk satu (1) pinjaman perumahan/pembayaan-i di bawah Promosi ini.(“Pelanggan Layak”).
2. Kemudahan Terlibat untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
 - Pinjaman Perumahan Istimewa 2 Hong Leong/Pembayaan Rumah Istimewa Hong Leong-i
 - Skim Jaminan Perumahan Hong Leong oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)/Skim Jaminan Perumahan Hong Leong-i oleh SJKP; dan
 - Hong Leong Skim Rumah Pertamaku/ Hong Leong Skim Rumah Pertamaku-i.
3. Promosi ini sah untuk Kemudahan Terlibat yang bertujuan, pembayaan-i pembelian harta tanah kediaman. Promosi ini **TIDAK** sah untuk Pinjaman/Pembayaan-i Kedai, tanah kediaman kosong dan jenis harta tanah lain yang dianggap tidak layak oleh Bank.
4. Bagi mengelakkan kekeliruan, dalam kes-kes di mana terdapat pemohon bersama, hubungan haruslah salah seorang daripada pasangan suami isteri, ibu bapa, anak atau adik-beradik.
5. Individu berikut **TIDAK** layak untuk menyertai dalam Promosi ini:
 - a. Pelanggan Pinjaman/Pembayaan-i yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh Bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Promosi; dan
 - b. Pelanggan Pinjaman/Pembayaan-i yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di sini akan hilang kelayakan serta-merta daripada menyertai dalam Promosi ini.

TATA CARA PROMOSI

6. Bank hendaklah menanggung yuran guaman, duti setem, yuran pembayaran dan penilaian berikut (secara kolektif "Kos") bagi Kemudahan Terlibat di bawah Promosi ini:
 - a. Yuran guaman untuk penyediaan dan pengendalian proses dokumentasi jaminan Kemudahan Terlibat. Walau bagaimanapun, apa-apa yuran dan caj undang-undang yang akan ditanggung pada masa hadapan berhubung dengan kesempurnaan dokumentasi jaminan yang memihak kepada Bank dikecualikan;
 - b. Duti setem, yuran pendaftaran dan mana-mana kos yang berkaitan seperti caj pembayaran untuk penyediaan dan pengendalian proses dokumentasi jaminan Kemudahan Terlibat;
 - c. Yuran penilaian dan perbelanjaan yang dikenakan oleh panel penilai Bank untuk penyediaan laporan penilaian rasmi Hartanah (jika berkenaan).
 7. Penyediaan dokumentasi jaminan Kemudahan Terlibat perlu dilakukan oleh peguam yang dilantik oleh Bank untuk Promosi ini jika tidak, Bank tidak akan menanggung Kos.
 8. Pelanggan Layak yang menyertai Promosi ini akan tertakluk kepada tempoh ikatan/pegangan 3 tahun bermula dari tarikh pembayaran pertama Kemudahan Terlibat.
 9. Pelanggan Layak hendaklah mendepositkan RM1,000 atau jumlah yang Bank mungkin memaklumkan kepada Pelanggan Layak ("Deposit") apabila pelaksanaan dokumen jaminan. Deposit akan dikembalikan kepada Pelanggan Layak melalui peguamcara Bank tanpa faedah apabila pembayaran pertama Kemudahan Terlibat.
 10. Jika Pelanggan Layak:
 - a. tidak mengambil yang Kemudahan Terlibat bagi apa-apa sebab sekalipun selepas Pelanggan Layak telah menerima Surat Tawaran, atau
 - b. meminta untuk menukar peguamcara selepas Pelanggan Layak telah menerima Surat Tawaran dan Bank telah meluluskan pertukaran peguamcara,maka, Deposit hendaklah digunakan untuk membayar kos pentadbiran Bank dan kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Bank ("Kos-kos"). Pelanggan Layak hendaklah menanggung semua yuran guaman, duti setem dan kos yang perlu dibayar kepada firma peguamcara sedia ada dan juga baru (jika ada) untuk penyediaan dokumentasi jaminan. Sekiranya Deposit tidak mencukupi untuk membayar Kos-kos seperti yang dinyatakan di atas, Pelanggan Layak hendaklah membayar kepada Bank perbezaan antara Deposit dan Kos-kos, apabila diminta secara bertulis oleh Bank.
 11. Pelanggan Layak hendaklah membayar balik kepada Bank semua kos dan perbelanjaan yang dikenakan dan/atau ditanggung oleh Bank jika Pelanggan Layak membatalkan dan/atau menamatkan Kemudahan Terlibat sebelum pembayaran pertama Kemudahan Terlibat.
- AM**
12. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:-
 - a. bersetuju untuk terikat oleh T&C yang terkandung di sini;
 - b. bersetuju bahawa keputusan Bank ke atas semua perkara berkaitan dengan Promosi ini hendaklah muktamad dan terikat;
 - c. bersetuju bahawa semua permohonan untuk Kemudahan Terlibat adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank; dan
 - d. bersetuju untuk mengakses laman web Bank dari masa ke semasa untuk melihat T&C dan memastikan untuk mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pertukaran terhadap T&C.
 13. Bank berhak untuk:-
 - a. menambah, memadam atau mengubah T&C yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknya dengan hantaran T&C yang dipindah di laman web Bank

atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank pada bila-bila masa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu;

- b. menolak dengan budi bicara mana-mana permohonan untuk Kemudahan Terlibat tanpa perlu memberi sebarang sebab; dan
 - c. membatalkan mana-mana Pelanggan Pinjaman/Pembentangan-i daripada menyertai Promosi ini bagi apa-apa sebab sekalipun sebagaimana Bank anggap sesuai mengikut budi bicara mutlaknya .
14. Bagi mengelakkan kekeliruan, pembatalan, penamatkan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Promosi dan pindaan kepada T&C yang terkandung di sini tidak akan memberikan hak kepada Pelanggan Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi mana-mana atau semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatkan, penggantungan, perlanjutan atau pindaan tersebut.
15. T&C yang terkandung di sini hendaklah dibaca dengan Terma dan Syarat Utama dan Syarat Kemudahan Terlibat yang akan dilampirkan dengan Surat Tawaran sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&C ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
16. T&C yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan Pinjaman/Pembentangan-i bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
17. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&C yang terkandung di sini dengan mana-mana pengiklanan, promosi publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Promosi ini, T&C akhir di Laman Web Bank akan diguna pakai.